

Volume IV
No. 6



Wednesday
2nd May, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 699]

MOTIONS—

**Melayu Raya (Memasokkan Indonesia dan Pilipina)
[Col. 699]**

Social Insurance (Withdrawal) [Col. 740]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, PEMANGKU PENCHETAK KERAJAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

1962

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Wednesday, 2nd May, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

- The Honourable ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

- The Honourable ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- .. ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- .. TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- .. TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- .. ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- .. DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- .. ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- .. ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- .. WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- .. ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- .. ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- .. ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- .. PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister and Minister of External Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- .. the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Melaka Tengah).
- .. DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*on leave*).
- .. the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL
AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- .. the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- .. the Assistant Minister of Commerce and Industry,
ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- .. ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- .. ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- .. ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- .. ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).

- The Honourable ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
 „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN
 IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
 „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
 „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ADJOURNMENT

(Motion)

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That at its rising this day the House do stand adjourned to Monday, the 25th June, 1962.

The Minister of Transport (Dato' Sardon bin Haji Jubir): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising this day the House do stand adjourned to Monday, the 25th June, 1962.

MOTION

MELAYU RAYA

(Memasokkan Indonesia dan Pilipina)

Order read for resumption of debate on Question,

This House resolves that since in principle, Malaysia embraces all the islands in the Malay Archipelago, the proposed Malaysia Plan should include Indonesia and the Philippines, and the Prime Minister should hold early discussions on the question with these two countries.

Question again proposed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambong kenyataan² saya dalam usul yang di-hadapan Dewan ini, saya ingin mengambil peluang ini menyentoh beberapa perkara dan point yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya pada petang sa-malam. Salah satu

point atau pun hujah dan alasan yang dikemukakan oleh penchadang untuk menyatukan atau menchipta Melayu Raya mengandongi Indonesia dan Philippines itu ia-lah, konon-nya, kerana memandang kapada soal rumpun atau asal keturunan penduduk yang bertaboran di-Gugusan Pulau² Melayu ini. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengatakan bahawa saya hairan bagaimana pemimpin PAS chuba hendak menyatukan manusia dengan berdasarkan rumpun, unsuriah atau pun keturunan, kerana ini sama sa-kali berlawanan dengan konsep parti, yang diperjuangkan oleh penchadang itu. Di-sini saya ingin hendak tegaskan ia itu sa-kira-nya penchadang dan penyokong²-nya daripada puak PAS hendak memberi kenyataan dalam Dewan ini yang mereka telah menyimpang daripada da'awaan² dan akuan² mereka hendak membela ugama Islam, maka terangkan kapada kita, jangan segan, jangan malu—after all kita berkawan dan bersaudara dalam Dewan ini (*Ketawa*). Sebab saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau ugama Islam dalam usaha-nya hendak menyatukan manusia ia memakai unsuriah, memakai darah dan keturunan sudah tentu ugama Islam tidak tersibar luas daripada tempat terbit-nya ia-itu negeri Arab sahingga sampai ka-negeri China, ka-Eropah dan pada hari ini sampai ka-Amerika. Tidak usah pergi jauh. Kalau Islam yang datang ka-Malaya ini ada-lah satu chita² dan islamism Arab tentu orang Melayu tidak sudi menerima ugama Islam itu, tetapi kerana ugama Islam itu datang sa-bagai satu faham, sa-bagai satu 'akedah, sa-bagai satu chita², maka chita² itu-lah orang yang bukan Arab telah menerima ugama Islam itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-sini nampak dengan jelas bagaimana pertelagahan di-antara chita² perjuangan PAS yang konon hendak me-

negakkan Islam dengan chadangan yang ada di-hadapan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah menunjukkan—sejarah telah menunjukkan kegagalan sa-buah negara atau pemerintah yang hendak di-dasarkan penyatuan umat-nya atas keturunan darah—barangkali Yang Berhormat dari Besut tidak lupa—apa yang telah berlaku atas Hitler, yang telah chuba hendak menegakkan dan mendirikan satu bangsa daripada keturunan darah Irian. Adakah Yang Berhormat dari Besut hendak menghidupkan unsuriah Hitler dan hendak menegakkan Kerajaan Hitler lagi di-Tenggara Asia ini, bukan memakai unsuriah Irian, tetapi memakai unsuriah dan keturunan Melayu pula?

Saya minta supaya Ahli² Yang Berhormat daripada PAS ini menjelaskan kedudukan ini dengan terang-nya, biar kita dalam Dewan ini tahu dan seluroh ra'ayat Malaya tahu di-mana perjuangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menguatkan kedudukan hujah berkenaan dengan soal rumpun ini, mereka membawa Masir ka-dalam Dewan ini untuk menjadi chontoh nationalism Arab, inilah alasan mereka yang konon-nya kuat. Tetapi kalau alasan itu di-letakkan di-bawah ujian bagaimana kita meletakkan acid ka-atas tembaga, maka hapus-lah alasan itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat ini biasa mengkaji sejarah dan biasa mengkaji sejarah siasah, biasa membacha mukadimah Ibnu Khaldon, orang² ini akan mendapat tahu bahawa bangsa Arab tidak pernah bersatu dalam sejarah-nya yang begitu panjang dengan menggunakan keturunan atau atas asas dan dasar keturunan darah-nya. Orang Arab hanya dapat di-satukan dengan jalan Islam tidak ada lain daripada itu. Kita sendiri telah menengok President Jamal Abdul Nasir dalam usaha-nya hendak menyatukan umat Arab di-Middle East dengan memakai unsuriah, tetapi sa-panjang yang kita nampak, ada-lah usaha²-nya hendak menyatukan umat Arab di-Timor Tengah itu nampak-nya telah gagal. Jadi, ada-kah Ahli² Yang Berhormat daripada PAS ini hendak juga mengikut jejak gagal yang sa-umpama itu. Tuan Yang di-Pertua, soal bersandar kapada unsor keturunan atau

pun darah keturunan untuk menyatukan negeri² tidak-lah boleh di-pakai sa-bagai satu hujah dan alasan untuk menguatkan chadangan yang ada di-hadapan Dewan ini.

Saya ingin mengungkit satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang telah disebut²kan di-dalam Dewan ini pada petang kelmarin ia-itu berkenaan dengan problem yang ada dalam negeri ini dan yang ada di-Indonesia dan Philippines, oh..., jawab Ahli² Yang Berhormat daripada PAS kita mesti menghadap dua tiga problem yang kita mesti atasi. Kita terima hujah dan alasan ini tetapi mari kita berchakap sa-chara pratikal biar saya ulas apa yang ada dalam negeri ini dan apa yang ada dalam Indonesia dan Philippines itu. Mengikut kehendak dan kemahuan dan nasehat daripada Ahli² Yang Berhormat dari PAS, kita hendak mengadakan perundingan awal berkenaan dengan menchipta Melayu Raya. Katakan-lah yang kita hendak buat samacham yang di-chadangkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS, pergi-lah kita berunding—Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri pergi-lah ka-Indonesia, kerana dia dekat dengan kita. Sa-belum dia pergi berunding tentu-lah dia berkehendakkan penasehat² maka kata-lah yang kita tidak boleh mengambil penasihat lain daripada penasehat² dari Ahli² Yang Berhormat daripada PAS untuk menasehatkan Tunku dalam perundingan-nya dengan pihak sebelah sana. Dudok-lah kita di-round table, untuk merundingkan Melayu Raya mengikut konsep yang di-perjuangkan oleh PAS. Berunding-lah, soal yang pertama yang akan dirundingkan itu tentu-lah soal sistem beraja yang ada di-Tanah Melayu dengan sistem berpresident yang ada di-Indonesia. Berchakap-lah, apa kata Tunku, tentu-lah dia berpaling kapada penasehat²-nya apa kata, Raja-kah atau President? Apa nasehat yang akan diberikan oleh penasehat² itu? Siapa hendak buang siapa? Kita hendak buang Raja atau pun orang Indonesia hendak buang President? itu satu. Saya hendak dengar apa nasehat mereka berkenaan dengan soal ini. Satu lagi ia-lah soal ugama, kita di-sini ugama Islam di-rasmikan, di-Indonesia tidak. Tunku tentu-lah akan berpaling kapada

penasehat²-nya, macham mana kalau mengikut undi tentu-lah ugama Islam tidak boleh di-rasmikan, fasal Indonesia mempunyai 80 million orang, kita di-Malaya hanya 6 million orang tentu-lah chakap mereka kena kita pakai, apa kata? (*Ketawa*).

Satu soal lagi datang, Kerajaan yang ada di-Indonesia ada-lah menghalalkan parti kominis, kita di-Tanah Melayu bukan sahaja mengharamkan tetapi kalau kominis itu sa-hingga ka-dalam lobang pun kita hendak hambat, kita hendak kejar, sampai dalam liang kubor pun kita hendak chari mereka (*Ketawa*). Apa hal? Kata Indonesia oh.., kami di-sini halalkan parti kominis. Jadi, bagaimana Malaya? Mahu mengikut suara ramai? Di-Indonesia 80 million orang, kita di-sini hanya 6 million orang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang boleh di-sebutkan. Kita di-Malaya pakai sistem Economic Free Enterprise, di-Indonesia pakai Guided Economy. Jadi, apa nasehat yang kita hendak dengar daripada Ahli² PAS ini. Pendek kata banyak perkara yang saya boleh cheritakan satu persatu. Undang² di-sini di-pakai Undang² British tetapi di-Indonesia di-pakai Undang² yang di-ambil daripada Undang² Belanda. Siapa hendak siapa? Peratoran mana yang hendak di-buang dan peratoran mana yang hendak kita pakai. Kalau mahu mengikut demokrasi berma'ana Indonesia lebeh besar daripada Tanah Melayu. Jadi, kita terpaksa mengikut demokrasi kerana kita orang yang memperjuangkan demokrasi. Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu mengikut demokrasi dalam perundingan sa-macham ini akhir-nya negeri kita tidak beraja, ugama Islam tidak akan menjadi rasmi dalam negeri ini. Parti kominis yang haram pada hari ini akan menjadi halal dan, dan, dan, sa-terus-nya, ini yang akan berlaku.

Oh, kata Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh, soal hendak buang Raja ini tidak berbangkit. President Nasir hendak menyatukan negara Arab yang berchorak Republic dan yang memakai sistem beraja.

Jadi, saya tidak tahu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak faham konsep Melayu Raya yang di-chadangkan oleh Perdana Menteri itu.

Kita mahu menjadikan sa-buah negara dengan Federal System. Jadi, nampak-nya Ahli² Yang Berhormat di-sabelah sana mempunyai konsep Melayu Raya bukan saperti konsep yang kita chadangkan, pada bentok dan rupa-nya dan negeri² yang terkandung di-dalam-nya. Tetapi tidak ada penjelasan yang diberikan berkenaan dengan ini, jadi, Dewan ini buta dan gelap. Konsep yang sa-benar-nya, rupa dan bentok serta chorak Melayu Raya yang di-perjuangkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS, ia-lah Raja pun mereka mahu dan President pun mereka hendak. Yang mereka chadangkan ia-lah perhubungan negeri² saperti dalam Commonwealth dan dalam mana tiap² negeri tetap dengan chara pemerintahannya sendiri, tetapi terikat kapada satu sistem, satu idiology yang tertentu. Kalau itu-lah chadangan daripada PAS saya fikir langkah yang pertama yang boleh di-buat oleh Indonesia ia-lah joint ASA, kerana hubungan di-situ ada-lah hubungan longgar, dia orang boleh tetap mempunyai President, mengaku parti Kominis, boleh tetap dengan guided economy dan boleh tetap mengikut chorak Indonesia itu sendiri dengan tidak payah mengganggu hal dalam negeri itu. Kalau itu-lah konsep Melayu Raya bentok dan chorak yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada PAS sana, jelaskanlah. Dan chuba-lah menjalakan rundingan yang pertama memujuk Indonesia supaya joint ASA dahulu. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya Dewan ini bingung hendak mengikut argument dan hujah² yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada pehak PAS sana, kita sangat² suka mendengar kalau² ada satu point yang boleh kita timbangkan dan harga-kan berkenaan dengan chadangan-nya itu, tetapi saya belek² satu malam, saya fikir apa point PAS ini, hendak Melayu Raya mengikut chadangan-nya itu. Saya tengok² kosong, tidak ada apa benda-nya, tidak dapat hendak di-timbangkan. Saya memberi fikiran mudah²an Ahli Yang Berhormat daripada PAS dapat menimbangkan fikiran² ini dan membetulkan konsep Melayu Raya chadangan mereka bukan chuba merosakkan chadangan kita. Lagi satu perkara yang saya geli hati mendengar-nya ia-lah

hujah² yang berkehendakkan serba besar daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara dia mengatakan, dengan konsep yang di-chadangkan-nya itu kita hendak jadi satu bangsa yang besar, menjadi negara yang besar, jadi nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu hendak main² besar sahaja, nafsu besar tetapi tenaga kurang, tidak membuat pertimbangan yang lain² yang patut di-pertimbangkan, asal kita boleh besar, walau pun besar itu tidak mendatangkan apa² faedah pun. Ahli PAS ini nampak-nya tidak kira dia boleh mendatangkan kerumitan², dia boleh mendatangkan problem² yang susah hendak di-pecahkan, itu tidak menjadi soal kepada mereka asalkan menjadi besar sahaja. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada lagi hujah² yang saya hendak jawab daripada keterangan yang telah berikan oleh Yang Berhormat yang membawa chadangan ini. Saya ingin hendak merayu kalau² pembawa chadangan dan penyokong²-nya. Ya ... saya hendak merayu bukan saya hendak tentang chadangan itu, saya minta supaya dengan segala hormat-nya Ahli Yang Berhormat dan penyokong²-nya ini menarek balek usul ini untuk menyelamatkan masa Dewan ini dan untuk hendak membersehhkan fikiran² dan kepala manusia yang ada dalam Tanah Melayu ini dan juga hendak mengelakkan orang² di-Indonesia sana dan di-Philippines daripada memikirkan benda² yang tidak masuk pada akal. Jadi sa-kali lagi saya ulangkan rayuan saya ia-itu dengan segala hormat-nya bagi kepentingan negara yang berkenaan, tolonglah tarek balek usul ini, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang ada di-hadapan kita ini. Tuan Yang di-Pertua, semenjak kelmarin petang lagi sa-hingga pagi ini wakil dari Johor Tenggara telah mengambil bahagian yang besar di-dalam perbahathan motion yang ada di-hadapan kita ini dan di-dalam perbahathan ini ia telah mengemukakan bermacam² alasan, tetapi alasan² yang telah di-kemukakan oleh beliau itu sa-kira-nya kita kaji dengan halus-nya tidak ada satu alasan pun yang boleh kita pegangi. Kata-nya

bahawa gagasan negara Arab yang di-chintai atau pun di-pelopori oleh Jamal Abdul Nasir tidak ada mengandongi di-dalam-nya negara² yang beraja, chuma UAR yang mempunyai President sahaja, tetapi di-dalam ucapan-nya pagi ini nampak-nya dia telah aku di-atas kesalahan²-nya itu ia-itu dia pula berkata betul ada gagasan negara yang sedang di-chiptakan oleh Nasir itu ada mempunyai raja² dan lain² lagi. Ini adalah datang daripada saudara kita ini sa-telah ia tahu di-atas kesalahan-nya apabila di-tegor oleh wakil dari Pasir Puteh. Dan ada pula kita dengar kata-nya Malaysia yang di-pelopori oleh Yang Berhormat Perdana Menteri ia-lah chorak-nya Federal System yang chuma boleh mempunyai sa-orang raja sahaja sa-bagai ketua negara—ini satu lagi perkara yang menunjukkan bahawa wakil dari Johor Tenggara ini tidak tahu politik, Federal System apa dia, Unitary System apa dia, dia chuma borong sama sa-kali. Oleh sebab yang demikian saya harap-lah Ahli Yang Berhormat itu apabila hendak berchakap amat²i-lah chakapan-nya jangan dia itu menjadi laughing stock dalam Rumah Yang Mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil bahagian yang panjang sedikit di-dalam sokongan saya di-atas motion di-dalam Rumah ini dan saya dasarkan perbahathan ini di-atas tiga dasar. Pertama dari segi politik, kedua dari segi ekonomi, dan ketiga-nya dari segi defence atau pertahanan. Mengikut pergolakan dunia pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah umat² yang maju di-dalam dunia ini sedang memikir bagaimana hendak mempertahankan diri-nya. Kita yang suka membacha surat khabar lebeh² lagi tentang pergolakan di-Eropah yang sedang berjalan pada masa ini dapat-lah kita ketahui bahawa Kerajaan Inggeris sekarang ini sudah meminta hendak masuk menjadi sa-orang anggota bagi European Common Market, apa sebab-nya oleh Kerajaan Inggeris yang begitu besar dan yang dahulu-nya tidak mahu memasok diri-nya ka-dalam Common Market itu. Sekarang sudah meminta hendak menjadi ahli di-dalam-nya. Sabalek-nya adakah chuma pergerakan Common Market sahaja yang sedang berlaku di-sana?

Tidak, bahkan kita baca dalam surat² khabar bahawa 6 Kerajaan dengan Kerajaan Inggeris jadi 7 Kerajaan sedang membinchangkan jalan² untuk hendak mengadakan satu kerajaan yang terdiri daripada 7 negeri itu, seperti Belanda, England, German, Belgium, Luxemburg, France dan Italy. Ini bangsa² sedang mengkaji bagaimana hendak menyatupadukan Kerajaan mereka itu supaya hendak mengadakan satu Kerajaan sahaja. Tetapi buat wakil Johor Tenggara yang maseh mempunyai fikiran burok dan lapok, ia memang tidak mengerti di-atas peratoran dan pergerakan yang telah berlaku dalam dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, tatkala chadangan ini di-bawa dan di-kemukakan oleh penchadang wakil dari Besut perlu-lah bagi-nya menerangkan alasan² yang boleh dapat menchantumkan atau dapat menchiptakan chita² Melayu Raya. Lebih besar lagi dalam alasan² yang telah di-kemukakan kepada kita ada-lah alasan² politik dan lain² lagi. Bagi orang² yang tahu dalam 'ilmu politik ada-lah characteristic ia-itu syarat² bagi satu negara ia-lah tiga atau empat perkara yang besar. Pertama-nya bangsa. Kedua-nya ugama. Ketiga-nya culture. Ini-lah yang menjadikan syarat² atau characteristic yang penting untuk mendirikan satu negara. Di-minta wakil dari Johor Tenggara: baca-lah Political Science untuk faedah diri-nya. Maka ini-lah alasan² yang telah di-kemukakan oleh wakil Besut ia-itu bangsa-nya satu, ugama-nya yang besar ia-lah ugama Islam dan culture pun satu, bahasa yang besar-nya pula ia-lah bahasa Melayu. Ini-lah anasir² atau syarat² yang penting bagi mengujudkan satu negara, tetapi wakil dari Johor Tenggara ia tidak tahu perkara ini. Jadi dalam concept Melayu Raya yang telah di-kemukakan oleh wakil Besut ini syarat² yang penting ini semua-nya ada di-dalam-nya yang akan menjadi cementing factor yang dapat mengikat Gugusan Pulau² Melayu menjadi satu negara. Maka chadangan yang di-kemukakan oleh wakil dari Besut itu sangat-lah kena pada tempat-nya mengikut kehendak² politik.

Saya akan terangkan juga dari segi ekonomi. Dengan di-masokkan Indonesia, Malaya, Pilipina dan Gugusan

Pulau² Melayu menjadi satu bangsa ia-itu Melayu Raya maka di-sana-lah baharu dapat pasaran yang besar bagi perkembangan ekonomi sama ada dari segi perdagangan mahu pun dari segi perusahaan atau industry. Apabila di-chantumkan bangsa² ini menjadi satu bangsa, kita akan mempunyai 100 juta lebih penduduk² yang ada dalam Gugusan Pulau² Melayu ini yang mempunyai bahan² ekonomi atau raw material—bahan² mentah yang sangat mustahak bagi satu² bangsa yang besar dalam dunia ini. Apa yang tidak ada? Minyak ada, besi ada dan sa-terus-nya... ta' payah-lah saya sebutkan satu persatu di-sini. Bahan² raw material ini sangat² penting bagi kemajuan sa-suatu bangsa dan buat pasaran yang penduduk-nya 100 juta manusia ini-lah yang dapat memajukan bangsa dalam gugusan pulau² ini. Maka dengan sebab itu-lah Kerajaan Inggeris sekarang ini telah meminta menjadi sa-orang anggota dalam European Common Market, kerana kalau tidak di-adakan European Common Market tiap² satu bangsa akan berlawan di-antara satu bangsa dengan yang lain—competition di-dalam perdagangan-nya. Orang Belanda membuat satu benda mithal-nya motor car yang mahu di-jual dalam pasaran itu juga, orang German, orang Franchis dan orang Inggeris dan seterusnya mereka ini mesti-lah berlawan di-antara satu sama lain. Ini perkara tidak akan meng-untungkan kepada sa-siapa pun bahkan akan merugikan kepada sekalian bangsa² yang terkandung di-dalam-nya. Maka ini-lah sebab-nya yang di-adakan European Common Market supaya competition yang akan merosakkan ekonomi mereka itu akan dapat di-hapuskan. Demikian juga Malaysia yang di-chadangkan oleh wakil Besut itu competition di-antara Indonesia dengan Malaya, Pilipina dan lain² lagi dapat di-hapuskan, dan sekalian bahan² raw material yang ada dalam negeri ini dapat di-tujukan kepada kekayaan, kemewahan dan kema'amoran serta kekuatan negara kita ini.

Dalam segi defence, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Melayu Raya yang di-pelupori oleh Yang Berhormat Tunku sekarang di-mana-kah kita akan dapat mempertahankan s e m p a d a n

negeri. Kita tidak ada kekuatan angkatan laut, kita cuma ada motor boat² yang ada bilek sejok di-dalam-nya untuk pertahanan wal hal apabila Malaysia menjadi satu negara maka ada-lah sempadan negeri kita ini akan berpanjang lebeh dari satu ribu batu. Sekarang kita sendiri tidak dapat hendak menjaga pantai² Malaya. Tentu-lah Tunku akan berkata : Oh, kita tidak ada angkatan laut, terpaksa-lah kita berpegang atau pun meminta pertolongan kepada Kerajaan Inggeris. Ini sudah tetap. Jadi kemerdekaan yang ada sekarang ini bererti bahwa negeri kita ini akan di-penuhi dengan angkatan laut, angkatan udara dan tentera² Kerajaan Inggeris. Apabila di-adakan Malaysia yang di-pelupori oleh Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman maka sudah tetap pertahanan negara ini akan dudok di-dalam tangan Kerajaan Inggeris. Orang Inggeris telah terang pendirian mereka bahawasanya Naval Base di-Singapura itu tidak akan di-biarkan begitu sahaja b a h k a n mereka akan gunakan mengikut kehendak dan kemahuan mereka itu. Wal hal pada mula² perbahathan Malaysia yang di-keluarkan oleh Yang Amat Berhormat Tunku ada tersebut di-dalam-nya : Kita tidak akan membiarkan Inggeris mengguna Naval Base, tetapi sa-telah Tunku Abdul Rahman pergi ka-London dan balek, maka Kerajaan Inggeris telah menunjokkan pendiriannya dengan jelas ia-itu Naval Base di-Singapura itu akan di-gunakan oleh Inggeris mengikut kemahuan-nya, bukan mengikut kemahuan Malaysia. Maka di-sini dapat-lah kita ketahuī pendirian Yang Amat Berhormat Tunku sudah lembut dalam perkara pertahanan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Malaysia yang di-peluporkan oleh Perdana Menteri itu maju, maka di-sana berma'ana kita sa-lama²-nya akan bergantung kepada kekuatan Kerajaan Inggeris dalam perkara pertahanan, kerana kita tidak ada Angkatan Laut, bagaimana hendak menjaga pulau² itu? Kita tidak boleh menjaga-nya dengan ayer leor sahaja, barangkali Yang Berhormat dari Johor Tenggara boleh, dia sa-bagai pahlawan besar dapat menjaga keselamatan pulau² itu. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah kita ketahuī sama ada dari segi politik mahu pun dari

segi ekonomi dan industry serta pertahanan (defence) bahawa chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Besut ia-lah chadangan yang sangat baik. Indonesia ada mempunyai Air Force yang di-penuhi oleh orang² Indonesia sendiri. Di-Tanah Melayu walau pun telah merdeka belum ada sa-orang pun orang Melayu yang boleh membawa kapal terbang—(SOME HONOURABLE MEMBERS: Ada ! Ada !) Mereka itu tatkala membahathkan sesuatu perkara, mereka itu lupa di-atas fact atau hakikat kedudukan negeri kita pada masa sekarang. Ini kita belum lupa lagi, Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lalu Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menerangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa orang Melayu tidak mempunyai apa² pun dari segi ekonomi, pelajaran dan segala²-nya. Tetapi sayang ! Tuan Yang di-Pertua, wakil orang² Melayu dalam Dewan ini belum lagi insaf diri mereka itu sendiri. Apabila di-kemukakan dalam Dewan ini

Mr. Speaker: Order. Perkara itu tidak ada kena-mengena dengan motion ini. Jaga sadikit—tuan lebeh tahu. Proceed.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi politik mahu pun ekonomi dan pertahanan ada-lah chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Besut sangat-lah tepat pada tempat-nya dan mengikut aliran masa dan zaman.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, teringat saya tatkala Yang Berhormat dari Johor Tenggara memberi alasan-nya tadi katanya, Oh ! kalau di-terima chadangan Malaysia yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Besut, maka terpaksa-lah Yang Berhormat Perdana Menteri membawa satu rombongan yang akan membinchangkan masaalah bagaimana-kah hendak di-adakan chorak Melayu Raya yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Besut. Dia sa-olah²-nya telah bermain sandiwara tatkala dia menerangkan satu persatu ia-itu chorak Kerajaan kita di-sini ia-lah memakai Raja (monarchy), Indonesia dan Pilipina memakai Presiden. Bagaimana-kah kita hendak mengadakan chorak Kerajaan yang akan di-chadangkan oleh Yang Berhormat dari Besut? Kalau begitu chara berbath saperti yang di-kemuka-

kan atau yang di-gambarkan oleh Yang Berhormat wakil Johor Tenggara itu ia-lah satu perkara yang pelek yang belum lagi pernah kita dengar.

Sa-kian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi menyokong di-atas chadangan yang sekarang kita bahathkan ini.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit sahaja dalam usul yang di-hadapan kita ini yang di-hujong-nya menyatakan ia-itu pada dasar-nya ia-lah Gugusan Pulau² Melayu. Melayu Raya yang di-chipta oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang kita luluskan dalam Dewan ini dasar-nya ia-lah untok membebaskan negara² yang maseh di-ta'alok oleh penjajah. Jadi saya tidak faham bagaimana-kah di-ma'ana atau di-ta'arifkan Melayu Raya yang di-chipta oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman itu Melayu Raya Gugusan Pulau² Melayu? Melayu Raya yang di-chipta oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman itu kita telah luluskan, yang mana kita telah mendapat bangkangan yang tegas dari PAS.

Mr. Speaker: Saya tahu tuan tidak membacha, tetapi kertas itu tolong letakkan di-atas meja.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan kepada usul yang di-hadapan kita ini, kerana menentang Melayu Raya yang di-chipta oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang telah di-luluskan oleh Dewan ini. Di-dalam Melayu Raya yang di-chipta oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman itu, Yang di-Pertua PAS telah mengambil bahagian yang chergas dan dia telah meluluskan bersama² dalam Persidangan CPA. Jadi dalam Dewan ini ketua parti itu menentang dengan tegas-nya, tetapi dengan diam² di-luar Dewan ini mengambil bahagian yang chergas menyokong. Jadi, saya rasa usul yang di-hadapan kita ini tidak ada ma'ana langsung.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, chadangan hendak memasokkan Indonesia dan Pilipina dalam Melayu Raya yang di-chipta oleh Yang Teramat Mulia

Tunku Abdul Rahman itu pun kita telah tolak dalam meshuarat yang lalu. Dan lagi Melayu Raya chiptaan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman belum lagi lahir, maseh di-kandung. Sekarang ini timbul pula satu usul meminta mengadakan Persekutuan Melayu Raya itu. Jadi di-sini-lah yang saya tidak faham. Saya ma'anakan Persekutuan Melayu Raya ini banyak, ia-itu Melayu Raya yang di-chiptakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, yang telah di-terima yang sedang di-kandung dan yang di-chipta oleh Yang Berhormat dari Besut, yang belum tahu lagi sama ada di-terima atau tidak usul-nya itu, tetapi Melayu Raya yang di-bawa oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah di-terima. Jadi saya rasa benda yang tidak ada itu tidak lojik.

Saya perchaya usul yang ada di-hadapan kita ini satu usul yang tidak dapat di-terima, oleh sebab, kita telah mendengar Ahli² Yang Berhormat di-sabelah sini telah memberikan alasan-nya ia-itu segala alasan yang di-beri oleh pihak PAS bertentangan dengan hal mereka itu sendiri. Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap tadi mengatakan hujah yang di-keluarkan itu akan memberi satu semangat dan kekuatan kepada nagara² timor jauh ini. Saya rasa usaha² itu telah di-buat oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman ia-itu ada-nya pertubohan ASA untok menandingi European Common Market, yang mana ASA itu pintu-nya maseh terbuka kepada negara² di-Asia Tenggara ini untok menjaga kepentingan barang² mentah kita.

Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, tiap² satu negara yang hendak meleborkan kedaulatan-nya saya rasa itu-lah satu perkara yang sangat² susah, terutama sa-kali Indonesia yang telah mendapat kedaulatan-nya sa-chara revolusi bagitu juga Philippines dan kita dengan chara berperlembagaan. Saya perchaya tentu-lah sukar pada tiga² negeri ini untok meleborkan kedaulatan-nya kepada satu kedaulatan negara yang di-pimpin oleh sa-orang ketua negara.

Chadangan sa-kira-nya hendak mengadakan satu persahabatan untok memperlindungan kepentingan² negara di-Tenggara Asia ini, saya rasa itu sangat

menasabah. Sa-kira-nya saya tahankan pembawa usul ini menhadangkan tiga² negara ini di-leborkan kedaulatan-nya menjadi satu ini akan membangkitkan beberapa kesulitan salah faham antara satu negara dengan satu negara. Sebab saya telah membaca dalam surat khabar, dari chara persaorangan, baik oleh ketua² negara atau pembesar² dengan kenyataan² uchapan yang dikeluarkan oleh akhbar²-nya menyebabkan perselisihan faham di-antara negara kita dengan negara jiran kita Indonesia.

Sa-umpama-nya baharu² ini, sunggoh pun saya perchaya tidak-lah di-ma'anakan untok mengambil satu perselisihan faham yang membolehkan satu² negara memandang rendah atas perjuangan negara² jiran-nya. Berita² akhbar menyatakan yang ketua negara Indonesia berkata—"Indonesia mendapat kemerdekaan-nya dengan revolusi dan negeri² jiran mendapat kemerdekaan dengan chara hadiah penjajah." Jadi, berbangkit-nya perkara² salah faham yang mana kita tidak mahu sekarang. Saya berharap Ahli Yang Berhormat pembawa usul ini jangan-lah hendak-nya satu² perkara itu boleh membangkitkan perselisihan faham di-antara satu sama lain di-Tenggara Asia ini. Jika usul ini dipinda, ia-itu kita mengadakan gabungan Kerajaan² di-Tenggara Asia, saya perchaya rumah ini tentu-lah akan dapat menimbangkan. Tetapi bukan-lah dengan chara meleborkan kedaulatan satu² negara itu yang mana saya perchaya ini tidak dapat di-jalankan. Dengan sebab itu saya tidak bersetuju dengan chadangan ini.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr. Speaker, Sir, this motion by the PMIP has aroused quite a great deal of discussion, and we have heard in the last few days various arguments put forward by both the PMIP and the Government Bench. It all arose from the proposition of Malaysia by the Honourable the Prime Minister, and we must say that as far as the proposition of the Prime Minister is concerned, it is by no means a rigid proposition in that the Prime Minister did not put forward a standard scheme for all territories. We have the Borneo territories coming in on certain conditions, and as far as Singapore is concerned, it is subject to various

conditions. So it is by no means surprising that the Honourable Member for Besut should bring in a resolution for discussion, because he felt—quite rightly so—that if Singapore can be brought in with certain qualifications, so can Indonesia and the Philippines. What the specific conditions will be laid down will be a matter for discussion between the parties concerned. And so I feel that, perhaps, it is the hope of the Member for Besut that eventually a solution can be reached, whereby a satisfactory arrangement for the unification of the various territories can be agreed upon and whereby no one country can exercise control over the other territory; and we must realise that perhaps this idea can be a practical idea, if we have a changed attitude.

The present attitude of the Government, as far as the Borneo territories are concerned is that there were fears expressed in Borneo—in the same way as fears were expressed by the Government Bench here in the last two days—of colonial intentions by countries with a bigger population. So, as far as Borneo is concerned, we must tell the Borneo people, "You must trust us. We will carry out the whole Malaysia Plan with good intentions—the whole intention is economic upliftment." If we are going to do that, the people in the new Malaysia will be able to enjoy a higher standard of living—they will be able to organise their economy efficiently—and so, on that, we hope that the Borneo people will believe us. So, the same idea put on a similar basis will be a problem. Naturally, a small country like Malaya will have its fears of being swallowed up by a country with a bigger population. So the whole idea rests on the outlook as to why we should have Malaysia. As I see it, and as the Socialist Front believes it, any move to unite the territories in one area should be based on the principle that by so doing we are able to improve the lot of the masses, and that by having a bigger economic unit, we will be able to organise our industries more efficiently, we will be able to have a bigger market, and we will be able to industrialise on a bigger scale—and various matters pertaining to uplifting our standard of living can

be evolved more efficiently. In that respect I feel that everybody will support a bigger union rather than a smaller union. So, with that in view, it can be said that if a union is going to fulfil all these objectives, then we must support it. However, at the same time we must also realise that if we are going to adopt a narrow attitude—for example, without wanting to have it on a big scale and we want to confine it to a small group—then what would happen? We must be aware of its implications.

As far as the Malaysia of the Prime Minister is concerned, it is hoped that by having this union we will be able to assist the colonial peoples to obtain independence and, secondly, we will be able to combat communism. Well, Sir, the question of combating communism is a very important issue, and one must know the methods of combating it. It is very well to say that if we can get the Borneo territories together with Singapore—and we will spend more money on defence, as the Honourable the Minister of Defence has hinted to this House—we will be able to combat communism, and that if Singapore is not going to toe our line we are going to close the Causeway. Well, theoretically it may sound all right; but practically, is it going to solve our problem? We must realise that, as far as the other territories are concerned, particularly Indonesia, they are far more superior to us in numerical strength; and if we are going to have a prosperous Malaysia, and an Indonesia that is not so prosperous with the bulk of the people living in dire poverty, what will be the net result? We must realise the danger and, I think, the Honourable the Deputy Prime Minister in his capacity as Minister of Defence does realise the danger—and that is, perhaps, the reason why in future we must increase our armed forces to some degree. So, I submit that in the Malaysia context we must be realistic. We must not antagonise any group in the Malaysia area. It appears that, as far as the various proposals and various actions of the Federation Government are concerned, they may not give that result. They may give rise to suspicion that Malaysia may be merely a military alliance,

which will be used to combat communism and which may be used even to some extent against groups that are not so friendly with the Western Bloc—and from indications, as far as the Western countries are concerned, they will be using Malaysia as their base. As we are aware, the Naval Base in Singapore is going to be continued to be used by the British. So, in that context we, in the Federation of Malaya, should be very careful with regard to whatever action we are going to take, and I feel that discussion with Indonesia and with the Philippines will do no harm whatsoever. At least, we can tell them that this is our proposal, and if they feel that they can join us for economic objectives we would be very glad of such co-operation.

Mr. Speaker, Sir, I feel that in moving towards an economic integration of the various groups in the Malaysian area will greatly assist towards improving the living standards of the people in these territories; we must realise that, in this part of the world, unless and until we believe that we are only a part of a very vast territory in South-East Asia, we will not be able to solve the problem that is facing us in this country. What is going to happen in Indonesia, or what is going to happen in the Philippines, in Thailand and in Singapore, is going to have repercussions on us, and we must not think in water-tight compartments and say that we are only worried with our small territory and nobody else. This change of attitude, I submit, is very important. Up to date, the Alliance Government has showed an attitude which is inconsistent with this idea. If it can only adopt or agree with the belief, as we do, in the brotherhood of mankind and that our purpose is not only to improve the economic well-being of the masses in our own country but also, and if possible, we should co-operate with other countries, to alleviate poverty and squalor that exist in other countries as well, then we will be doing something to achieve the objects which we hope to achieve. I feel, Sir, that this is by no means difficult, and that with the desire to do it and with the co-operation and desire to discuss matters with others,

I am confident that we will be able to reach a solution in this problem. We must not think of others as it has often been uttered in this House of desiring to exploit us—and this is because the whole problem lies in the belief of the Alliance Government in racial conflicts. So, we must not think in terms that if we join up with somebody else, who is numerically superior, they will exploit us. If we are going to adopt that attitude, surely we cannot blame the Borneo people for being suspicious. The whole idea should be based on our belief that it is the desire of every nation to alleviate poverty and squalor in the country. Nobody can deny that. Certain countries have certain methods of economic organisation purely with one objective, because they believe that the method of economic organisation is the best method to solve the problem in existence, and the problem is to improve the living standard of the people. On the other hand, there are other countries which are better off and they believe that they can afford to have more freedom, because their economic resources are more; and they sincerely believe that their own particular method is good and should be adopted. So, Sir, by discussion, I am sure, some compromise can be reached on the method of economic organisation, on the method of political organisation; and, I feel, it is time that various countries in the Malaysian territories for a start should get together to evolve some concrete method of economic organisation. It may take the form of a common market, or some common economic plan, whereby the territories can be developed in such a manner as to benefit all the people in the maximum manner.

Enche' S. P. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, I listened with great interest to the speech made by the Honourable Member for Tanjong and I must compliment him of being able to make that speech at the end of which I am unable to say whether he is going to vote for the motion or against the motion (*Laughter*). Mr. Speaker, Sir, on our part, our stand is that we oppose this motion, and we oppose it very strongly. Our view is that this is a mis-

chievous idea, an idea conceived by those, perhaps, whose hearts are in Indonesia but whose bodies are in Malaya. I fail to see, Mr. Speaker, Sir, how anybody who is proud of Malaya, who wants this country to be his own, is prepared to advocate that we should join up with a nation of 80 million people and continue to retain our identity. It is nothing but a plan which, if carried out into execution, will result in Malaya ceasing to exist as such, but become a province of Indonesia because that is what it has got to become. It is not a question of Indonesia joining Malaya; it is a question of Malaya joining up with Indonesia as part of Indonesia.

Mr. Speaker, Sir, Indonesia has got 80 million people, and if you want to bring Indonesia into Malaya, as a component part of Malaya, I think it is a ridiculous suggestion, because thereby you efface Malaya and there will be no Malaya. I would like to refer to the terms of the motion:

“This House resolves that since in principle, Malaysia embraces all the islands in the Malay Archipelago, the proposed Malaysia Plan should include Indonesia . . .”—

that is the important thing, “the proposed Malaysia Plan”. So, this motion is put up by the PMIP not with reference to something which they are putting forward, but with reference to something which is already in existence as set out by the Honourable Prime Minister in his concept of Malaysia. And what is that concept of Malaysia? It is that certain other States should come in as component parts of the Federation of Malaya; and if one reads this motion carefully the suggestion is that Indonesia should come in as a component part of the Federation of Malaya. Now, is that practical? It is absolutely impossible, it is something, I would submit with due respect to the ability of the members of the PMIP, which I say they as people of intelligence should never have proposed in this House because, for one thing, even if it is acceptable to us, surely it is not acceptable to Indonesia that they should come in as one of the States of the Federation of Malaya. And more unacceptable still it is to the Philippines that they should come in as one of the

component States of the Federation of Malaya, that the President of the Philippines should swear allegiance to the Yang di-Pertuan Agong; and that President Soekarno should swear allegiance to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong of the Federation of Malaya. Are those things practicable, realistic?

Now, there are one or two other minor points I want to touch on, because it confuses me as to the attitude of the PMIP. Let us take the case of Singapore. The PMIP says that we cannot take them on a basis of equal partnership, as the extreme left-wing elements may infiltrate. But, when we come to Indonesia, they happen to forget that danger that in Indonesia there is a very strong Communist Party, that communism is recognised in Indonesia, And how are they going to wipe out the danger of communism spreading among the Malay masses of this country through the influence of the Malay peasant in Indonesia? Then, again, we come to the question of official languages. Here, in this country, we have got Malay as the official language, but what is Indonesia going to do? Perhaps there is little difference, but what is going to be the official language if Indonesia comes in—Indonesian? And will the Philippines accept Malay as the official language? Then, again, on the question of religion, Philippines is not an Islamic State. What is going to be the official religion of the new Malaysia as conceived by the leaders of the PMIP?

References have been made to ASA and so on. If the idea is economic co-operation, as perhaps the Member for Tanjong thinks, then surely it is open to Indonesia to join up with ASA. They have been invited and, if they wish to be more closely associated with this country, they could very well accept that invitation. But they have decided that they do not wish to have that co-operation. They wish to map out their own destiny, and that is clearly an indication on how Indonesia thinks. They are a big nation, a big people, and they wish to go on their own. And knowing the attitude of Indonesia, I fail

to see how the PMIP could ever hope that anybody could very seriously consider this motion at all.

There are, Mr. Speaker, Sir, other grounds on which I could attack this resolution—the treatment which is meted out in Indonesia to those who are not Indonesians. Although we criticise the Alliance Government in its treatment of non-Malays, in order to be fair I must concede that there is absolutely no comparison as to the manner in which non-Indonesians are treated in Indonesia. Is it suggested then that we should adopt that policy if Indonesia comes in? I will say no more on that, because it is certainly not my desire to spark off a debate on the lines which had prevailed this House for the last few days. I will leave it at that.

I ask again of the PMIP to declare its stand today, whether it wants to replace whatever degree of democracy we enjoy in this country today by the guided democracy of Indonesia (*Laughter*). Do they not want elections? Do they want His Majesty the Yang di-Pertuan Agong to nominate the Members of this House, as President Soekarno has done in Indonesia? Will they be happy with that, or do they think that they can persuade President Soekarno to scrap his Constitution, to scrap his powers, and hand everything over to the Federal Government? Do they ever hope to be able to do that? And if they are prepared to accept the Indonesian form of democracy—guided democracy—what are they going to do with our Federal Constitution? Scrap it?

Mr. Speaker, Sir, as I have said, and I don't think it will come as a surprise to Members of this House, our stand on this business has been very clear. We cannot for many reasons have anything whatsoever to do with this motion, except to say that we condemn it as mischievous, as something impractical, and as something brought in by people who, perhaps, hope that they can expand their influence if we are more closely associated with Indonesia.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Tuan Speaker, chadangan usul yang di-hadapan Dewan

ini ia-lah di-bawa oleh wakil dari Besut ia-itu Ketua Agong PAS yang dasar parti dia ia-lah hendak menubuhkan sa-buah negara yang mengikut betul² kata-nya ugama Islam. Jadi, saya sa-bagai sa-orang Islam mengambil peluang ini ia-itu kalau sa-orang Islam itu ada sedikit terpesong atau tersalah maka wajib-lah sa-orang Islam yang lain menegor dan membetulkan supaya ia mengikut jalan yang betul.

Ahli dari Besut ini telah lama dalam politik dan berpengalaman dalam politik. Bukan-lah saya hendak mengajar dalam soal politik ini, tetapi saya suka-lah mengatakan pada dia ia-itu seperti kata dalam bahasa Inggeris: *Politic is the art of the possible*—ma'ana-nya dalam politik ini menjalankan satu perjuangan yang boleh di-jalankan, bukan-lah politik ini satu tempat yang mana kita boleh dengan ada angan² sahaja. Sebab saya berkata begitu dengan pengalaman PAS sendiri ia telah tahu ia-itu angan² ini lambat laun tentu-lah sa-olah² orang yang tidor dan mimpi satu hari ia bangun terkejut tengok mimpi-nya itu tidak sesuai dengan keadaan yang ada pada negeri ini. Mithal-nya negeri Kelantan dan negeri Trengganu dalam pilihan raya dahulu PAS ini chadangan²-nya dalam manifesto-nya angan². Jadi dua tahun lepas pilihan raya Federal, nampak-nya angan²-nya itu ta' boleh di-jalankan dalam dunia ini. Maka ini sa-kali lagi, saya hendak mengingatkan bagi PAS itu jangan-lah dudok dalam angan² atas soal yang bukan sahaja mengenai negeri ini atau mengenai dengan negeri Indonesia dan negeri Pilipina, kalau angan² dalam negeri kita ini kalau salah hilang kerusi atau pun jatuh Kerajaan tetapi kalau angan² dalam soal politik international nanti hilang merdeka. Mimpi kalau kita ta' tegor atau ta' terkejut boleh jadi merbahaya. Saya katakan begitu ia-itu kenapa saya katakan chadangan ini mimpi sahaja ia-lah oleh kerana dari segi politik atau pun politic international ia-itu kalau kita hendak membuat satu perhubungan dengan negeri lain, yang pertama sa-kali ia-lah negeri² itu suka atau tidak dengan chadangan seperti itu.

Di-sini bagi wakil dari Besut bila dia membuat ucapan bagi menerangkan

usul-nya kepada Dewan ini, dia tidak memberitahu ada-kah dia telah ber-jumpa dengan President Soekarno dan penganjor²-nya dan President Philippines dan penganjor²-nya, ada-kah mereka itu sanggup berunding sa-bagaimana yang di-katakan-nya berundingan sa-chara awal tentang Malaysia ini? Itu tidak di-terangkan-nya. Jika tidak di-terangkan-nya, pada pendapat saya yang ia belum lagi berunding dengan pehak Indonesia dan Philippines, sama ada mereka itu setuju hendak masuk Melayu Raya yang di-anjorkan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita. Dan apabila kita lihat pula siaran² dalam surat khabar Indonesia, kita dapati orang Indonesia tidak sanggup hendak memasokkan negeri-nya dalam Melayu Raya ini. Pendapat ini kita dapat dalam surat khabar, dan bagi Kerajaan telah dapat sa-banyak sedikit daripada Duta Besar kita di-sana yang mengatakan Indonesia tidak sanggup hendak masuk Melayu Raya ini. Dan baharu² ini Dr. Ali Sastromidjoyo, bekas Perdana Menteri Indonesia dan Wakil Tetap Indonesia di-Pertubuhan Bangsa² Bersatu daripada ucapan-nya kita dapati dia tidak sanggup nampak-nya yang Indonesia masuk dalam Melayu Raya yang di-anjorkan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri. Jadi, mithal-nya, kalau kita hendak kawin dengan sa-orang perempuan itu, yang pertama sa-kali kita hendak-lah tanya ibu-bapa dan kaum keluarga-nya sama ada mereka suka anak-nya kawin dengan kita, kerana perempuan itu malu, dan masa 'akad nikah kalau perempuan itu mendiamkan diri, kita fahamkan dia suka, tetapi kalau ibu-bapa dan kaum keluarga-nya tidak suka dan perempuan itu mendiamkan diri, bagaimana kita hendak tahu ia itu suka hendak kawin dengan kita? Begitu juga Indonesia dan Philippines itu kita mithalkan President Soekarno dan President Philippines pengantin perempuan, Indonesia dan Philippines menunjokkan yang mereka tidak suka, bagaimana pula kita hendak memaksa perkawinan Indonesia dan Philippines ini dengan kita? Dan jika kita lihat pula apa-kah sebab-nya kita perchaya Melayu Raya ini mengandongi Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah ini sesuai, yang pertama negeri² ini di-bawah

jajahan (Colonial Territory)—kita pun dahulu di-bawah penjajah juga. Jadi kalau kita tengok dari segi pentadbiran kita dengan Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah tidak-lah berlainan. Indonesia pula sa-bagaimana yang di-katakan menggunakan Demokrasi Terpimpin. Jadi dari segi pentadbiran sahaja susah nampak-nya kita hendak menchantumkan kedua² buah negeri itu, yang kedua kalau kita lihat pula negeri² yang hendak berchantum dengan negeri kita, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, negeri² yang di-bawah perintah penjajah, Indonesia sa-buah negeri yang merdeka. Jadi kita berunding dengan Kerajaan British, apabila sudah setuju pada dasar-nya, di-lantek Cobbold Commission itu supaya dapat tahu adakah orang² di-negeri itu suka atau tidak masuk Melayu Raya ini. Indonesia sa-buah negeri yang merdeka, bagaimana pula kita hendak menghantar satu Surohanjaya ka-sana untuk hendak bertanya orang sana sama ada suka atau tidak berchantum dengan kita. Kita chuma boleh pergi, mithal-nya, Yang Berhormat dari Besut patut bertanya dengan President Soekarno dan rakan²-nya sama ada mereka suka dengan Melayu Raya ini sa-belum membawa chadangan yang sa-macam ini dalam Majlis ini. Kalau usul ini di-luluskan saya tidak perchaya ini boleh jadif—oleh Majlis ini, tentu-lah pihak Indonesia dan Philippines berkata apa ada hak bagi Parlimen Malaya meluluskan chadangan yang sa-macam ini, dengan tidak bertanya atau berunding dengan Duta-nya sama ada setuju atau tidak. Kalau mengikut chara International kita telah melanggar, kita boleh di-katakan biadab atas soal International dengan membawa usul yang sa-macam ini dalam Parlimen kita ini. Kita ada Duta di-sana. Kalau Yang Berhormat dari Besut minta kebenaran Perdana Menteri menggunakan Duta² kita di-Indonesia dan Philippines supaya mengadakan kesenangan berjumpa dengan President Indonesia dan Philippines, saya fikir Kerajaan akan menolong dia sa-bagai Ahli Parlimen, tetapi tidak ada permintaan daripada-nya sa-bagai Opposition Member bertanya dengan Indonesia dan Philippines sama ada chadangan-nya boleh di-bawa dalam Parlimen ini. Ia tidak beri keterangan. Jadi dari

segi International relations, kalau Parlimen ini meluluskan chadangan ini mithal-nya, berma'ana kita tidak erti adat sa-sabuah negeri yang merdeka, tidak erti adat International, dan sa-bagai orang Melayu kita sangat megah dengan adat—"biar mati anak, jangan mati adat". Orang Indonesia pula halus budi pekerti-nya. Kalau buat sa-macam ini, apa yang hendak di-perjuangkan oleh Yang Berhormat dari Besut supaya kita lebeh rapat, boleh jadi lebeh renggang, kerana perbuatan kita yang sa-macam itu.

Dan dari segi ekonomi pula, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Menglembu tadi, biasanya saya tidak sa-pendapat dengan fikiran dia, tetapi dalam hal ini, dia ada menggunakan akal, jadi saya beri tahniah kapada-nya. Dari segi ekonomi Indonesia ada peluang, dan Philippines telah mengambil peluang itu ia-itu bagi hendak mengokohkan ekonomi masuk ASA. Di-sini kita telah dapat dengan tegas-nya keterangan daripada Menteri Luar Indonesia yang mengatakan tidak sanggup masuk ASA ini kerana dasar ekonomi-nya suka buat Bilateral Agreement. Jadi bagaimana kalau ia tidak suka berchantum ekonomi melalui ASA, yang mana saya rasa perchantuman itu tidak-lah berapa mengikat negeri² itu. Ini satu jalan yang negeri² itu boleh bekerjasama. Dia ada polisi-nya ia-itu dia hendak buat Bilateral Agreement, kita mesti menghormati polisi-nya, dan bagi kita hendak membuat ASA, hendak bekerjasama dengan negeri² Tenggara Asia. Jadi dengan jalan ASA telah ada peluang bagi Kerajaan Indonesia jika hendak mengadakan ekonomi Melayu Raya. ASA ini pun Kerajaan Indonesia tidak sanggup menerima. Jadi bagaimana dari segi ekonomi boleh di-jadikan satu alasan supaya di-adakan Melayu Raya ini.

Dan lagi Perdana Menteri menerangkan dengan terang-nya ia-itu satu daripada sebab-nya Melayu Raya patut di-adakan ia-lah kerana anchaman kominis. Sa-bagaimana yang kita tahu polisi Indonesia boleh di-katakan tidak menentang kominisem (communism), dari segi ini pun susah juga kalau kita hendak berunding dengan Indonesia, sebab yang pertama Indonesia bertanya

policy kita tentang kominisem. Kita akan mengatakan ia-itu kita anti-kominis, dan bagi Indonesia tentu tidak sanggup dengan polisi kita yang ada sekarang ini. Jadi bagi Yang Berhormat penchadang mengatakan supaya membuat rundingan² awal, saya mendengar ucapan dia, kalau di-terjemahkan ka-bahasa Inggeris berbunyi : early discussions.

Tetapi bila dia menerangkan kalimah rundingan² awal ini, dia memetek sa-umpama itu masa sekarang ini, sebab ada ucapan President Soekarno kelmarin yang nampak-nya persahabatan kita ini ada renggang sedikit. Jadi, dengan ada rundingan awal ini, kita boleh bertukar² fikiran supaya jangan renggang persahabatan kita itu tetapi itu tidak payah membuat perundingan. Berkenaan dengan Melayu Raya kita ada mempunyai Duta Besar di-sana, kalau kita berfikir persahabatan kita ini renggang, kita boleh mengadu dengan Duta Besar kita atau pun Perdana Menteri kita sendiri boleh berunding dengan President Soekarno untuk mem-baiki persahabatan antara negeri ini dengan negeri-nya. Ini tidak ada kena mengena dengan Melayu Raya.

Kita pada masa ini ada Perjanjian Persahabatan dengan Indonesia. Jadi, atas soal mengatakan kita ini ada renggang dan akan renggang lagi di-masa yang akan datang dengan tidak ada Melayu Raya, ini satu alasan yang tidak munasabah. Sebab apa, ada jalan yang kita boleh merapatkan perhubungan kita dengan negeri yang berjiran dengan kita. Jadi itu-lah saya katakan tadi, chadangan ini di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Besut sa-bagai satu mimpi yang lebeh besar daripada mimpi yang ada sa-belum pilihan raya dahulu. Kita telah nampak oleh sebab mimpi bagaimana-kah PAS telah menderita. Dan saya sa-bagai sa-orang yang berchorak demokrasi yang suka ada opposition, saya tidak hendak mimpi menghapuskan PAS. Kerana tidak ada opposition dalam negeri ini pun tidak bagus. Jadi, itu-lah saya menegorkan kapada pati PAS ini, ingat-lah chogan kata politik itu ia-itu "politic is the art of the possible". Ma'ana-nya ia-itu hendak-lah dalam politik ini kita menjalankan satu chadangan yang boleh

di-jalankan, bukan-lah kita berbalek kapada beribu² tahun bagi tawarikh, kemudian kita dudok dalam angan². Dalam mimpi, kita boleh naik ka-langit tetapi apabila kita chelek angan² mimpi itu lenyap. Kita dudok dalam dunia ini memikirkan bagaimana hendak men-chari nafkah anak bini kita. Jadi, angan² ini saya fikir simpan-lah dalam pati-nya sendiri, jangan-lah di-masokkan dalam hal kebangsaan negeri ini. Sebab apa saya menegor ini kerana saya sa-bagai sa-orang Islam, kalau orang Islam yang lain sesat jalan, saya berkewajipan menegor-nya supaya dia balek kapada jalan yang betul. Dengan sebab itu saya harap Yang Berhormat itu tidak payah-lah minta undi, lebeh baik-lah dia tarek balek chadangan-nya itu. Sebab undi chadangan-nya itu tidak patut-lah di-minta kapada kita semua. Minta undi itu bukan-lah salah tetapi tidak ada guna-nya, apa guna-nya mimpi² itu di-bawa ka-mari. Hendak mimpi bersama² dengan Ahli² PAS itu boleh-lah tiada salah-nya, saya pun kadang² bila ada masa lapang saya ajak beberapa orang ahli UMNO berbual², berangan² ini, berangan² itu tetapi apabila sudah habis, tidak ada apa². Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Sitting suspended at 11.35 a.m.

Sitting resumed at 11.50 a.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

MELAYU RAYA

(Memasokkan Indonesia dan Pilipina)

Debate resumed.

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Menglembu tadi di-dalam uchapannya menyatakan keraguan-nya tentang pendirian Yang Berhormat dari Tanjong. Saya bangun di-sini sekarang untuk menerangkan dan menjelaskan apa yang sa-benar-nya pendirian Yang Berhormat dari Tanjong itu. Tuan Yang di-Pertua, menurut anggapan kami dari Socialist Front bahawa di-dalam perjuangan kita harus mempunyai tujuan²: tujuan² yang dekat dan tujuan² yang jauh. Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita yang dekat di-gambarkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kita dalam Ranchangan Malaysia ini. Pada

perinsip-nya, telah berulang kali kami tegaskan, bahawa Socialist Front menerimanya. Perbezaan kita dalam chara melaksanakan-nya sahaja. Dan kami menerima pada perinsip-nya kerana kami memandangkan bahawa ini adalah langkah pertama menuju kepada tujuan kita yang besar, tujuan kita yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua, untok menchapai tujuan yang akhir ini tentu-lah kita tidak dapat menentukan dari sekarang, dan ini harus di-mengerti oleh Yang Berhormat dari Menglembu. Kita belum menentukan chorak: chorak Union-kah, Federalism-kah atau Commonwealth-kah. Tetapi tujuan akhir dalam perjuangan kita sudah tentu menuju kepada lahir-nya satu Melayu Raya atau Malaysia Raya atau persatuan kembali seluroh negeri² yang terletak dalam Gugusan Pulau² Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan-lah merupakan angan², ini bukan-lah merupakan mimpi. Mungkin, Tuan Yang di-Pertua, chita² ini tidak dapat berlaku sekarang, tetapi soal-nya kalau chita² ini tidak dapat berlaku sekarang, apa-kah kita akan kesampingkan atau ketepikan sahaja chita² itu?

Kalau kita mengikuti sejarah pergerakan politik di-dunia ini, kita tentu dapat melihat bagaimana lahir-nya chita² Persatuan Eropah dalam tahun 1923 yang di-pimpin oleh sa-orang yang bernama Count Nicholas Karolgi dari Vienna yang ingin melahirkan persatuan negeri² di-Eropah. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1938 lahir pula satu gerakan yang menghendaki Persatuan Eropah juga di-England, malah dalam tahun 1939 sa-orang political writer Amerika yang bernama Clarence K. Street dalam buku-nya yang bernama "Union Now" juga menchadangkan supaya ada-nya Persatuan Eropah. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1947, Sir Winston Churchill sendiri tampil kemuka memimpin satu gerakan yang menghendaki United Europe (Persatuan Eropah), dan dalam tahun 1948, Earnest Bevin tampil kemuka menchadangkan Western Union yang juga bermaksud Persatuan Seluroh Eropah.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar chita²

yang mengingini lahir-nya Pan-Arab (Persatuan Negeri² Arab), Pan-Asia (Persatuan Seluroh Negeri² Asia), Pan-German (Persatuan Orang² Yang berbahasa German), Pan-Iberia dan Pan-Islamism.

Tuan Yang di-Pertua, semua kejadian dalam sejarah ini menunjukkan, memberi keyakinan kepada kita, bahawa sekarang sa'at berpechah², dudok dalam kelompok yang kechil² telah habis. Kita harus menuju kepada persatuan dan perpaduan. Kalau Persatuan Eropah atau Federal Union tadi bertujuan menyatukan seluroh Eropah, ini bukan-lah tujuan akhir mereka itu malah mereka menuju kepada World Federation—ada-nya Persatuan Dunia. Mungkin kita akan mengatakan ini hanya angan², mungkin kita akan mengatakan ini hanya mimpi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau tujuan kita hanya sa-kerat sahaja, kalau tujuan kita hanya satu sahaja maka tujuan kita itu bila terchapai akan berakhir-lah—ta' tahu-lah kita ka-mana pula kita akan meningkat sa-telah berhasil tujuan yang dekat itu. Jadi, pada prinsip kami menyetujui usaha di-jalankan, perundingan di-jalankan, risekan di-jalankan mengikut kata Menteri Keselamatan Dalam Negeri tadi dengan menggunakan Diplomat, tetapi tujuan-nya satu ka-arah melahirkan kembali satu Gugusan Pulau² Melayu bersatu. Satu Malaysia Raya bukan hanya Malaysia sahaja.

Saya sungguh berdukachita sa-kali dalam memperbinchangkan usul ini yang sa-harus-nya kita timbangkan dengan fikiran yang tenang maka keluar beberapa perkataan, keluar beberapa tohmah² terhadap negara yang tersebut dalam usul ini. Keluar kata² mengatakan Indonesia tidak mempunyai demokrasi, Indonesia mempunyai guided democracy dan lain². Tuan Yang di-Pertua, dalam memikirkan soal ini kita tidak sa-harus-nya menimbangkan apa-kah system pemerintah orang itu lain daripada kita, apa-kah system pemerintah orang lain itu tidak kita setuju, sebab bila kita menimbulkan soal ini semuanya nanti akan timbul pula, kerana saya tidak setuju system pemerintahan Pilipina maka saya tidak mahu bersatu kembali dalam Gugusan Pulau² Melayu

itu. Semua-nya ini akan dapat kita selesaikan, semua-nya ini akan dapat kita simpulkan kalau ada exploration, ada perundingan tadi dan sa-terus-nya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita timbulkan soal² kalau terjadi-lah umpamanya Melayu Raya yang sa-bagai tujuan akhir ini maka akan timbul-lah berbagai² problem yang sulit², yang rumit² yang nanti akan menyusahkan kita sahaja, dan problem² yang kita hadapi sekarang ini pun kata sa-tengah kawan susah kita mengatasi-nya. Dalam dunia ini dan dalam hidup ini kita mesti selalu menghadapi problem². Kita lepas daripada menghadapi problem² hanya sa-sudah kita tidak menjadi orang lagi, dan sa-bagai ahli² politik kita harus bersedia untuk menghadapi problem² apa juga pun. Kita sa-bagai ahli² politik tidak harus hanya tinggal di-bawah tempurong kechil kita sendiri—menghadapi problem² kita sendiri. Dalam dunia yang semakin lama semakin sempit ini, kita harus bersedia bukan sahaja untuk menghadapi problem² yang kita hadapi, tetapi juga problem² dunia kalau perlu. Barangkali ada sa-orang daripada kita ta' sanggup menghadapi problem² ini, tetapi tidak sa-harus-nya, tidak sa-mesti-nya, kita mengukor baju orang lain di-badan kita. Kita tidak sa-harus-nya mengatakan bahawa mithal-nya Perdana Menteri kita, atau Timbalan Perdana Menteri kita, atau segala Menteri² kita ini tidak sanggup menghadapi problem² itu. Sa-tidak²-nya Menteri² kita itu tentu-lah mempunyai calibre sa-bagaimana U Thant. U Thant bukan sahaja sanggup menghadapi problem² di-Burma tetapi juga sanggup menghadapi problem² yang di-hadapi dunia sa-hingga ia sanggup menerima jawatan Setia-Usaha Agong Bangsa² Bersatu. Nah! Kalau kita takut problem² itu maka tinggal-lah kita dalam kurongan tempurong kita sendiri. Kita harus bersedia menghadapi problem² ini dan menyelesaikan problem² itu dengan sechara berunding. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari sini nyata-lah kami dalam prinsip menerima usul ini, sa-bagai tujuan akhir kami setuju², tetapi kami mengatakan untuk menchapai tujuan akhir ini kita berjalan sechara berperingkat peringkat—step by step. Mungkin untuk kali pertama kita akan

melahirkan Malaysia. Ini problem maseh panjang lagi. Kita tidak tahu bagaimana hasil dari penyiasatan Surohanjaya Cobbold. Kita tidak tahu bagaimana hasil *referendum* di-Singapura tetapi prinsip kita melahirkan Malaysia itu sudah sama² kita terima. Ini problem² yang kita akan hadapi. Kalau andai-nya lahir-lah Malaysia itu dan sa-sudah itu ka-mana pula kita, ada-ka-h itu akhir dari perjuangan kita? Mengikut kami dari Socialist Front, kami ingin sa-sudah kita menchapai peringkat itu kita maju kepada peringkat kedua ia-itu melahirkan kesatuan Gugusan Pulau² Melayu. Persatuan seluruh negeri² yang terlingkong dalam Gugusan Pulau² Melayu. Mungkin dari peringkat ini nanti kita akan menuju pula kepada Pan-Asianism, Eropah mengadakan Pan-Europeanism, Afrika mengadakan Pan-Africanism, Amerika mengadakan Pan-Americanism, mungkin, Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah lahir-nya ini semua mungkin kita dapat melahirkan World Federation. Tetapi kenyataan ia-lah bahawa sa-tiap kita harus mempunyai tujuan² dalam perjuangan tingkat demi tingkat. Kita tidak usah hanya tinggal di-bawah tempurong kita yang kechil sahaja, kita harus memandang luas dalam dunia yang besar sa-kali dan demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, sikap kami dari Front Socialist Ra'ayat Malaya. Kalau orang ta' faham di-atas sikap ini kerana ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu yang ia pula berchakap dalam bahasa Inggeris yang harus difahamkan oleh Ahli Menglembu itu, saya sunggoh amat dukachita sa-kali menimbang-nya, tetapi saya dukachita, Tuan Yang di-Pertua, dalam membinchangkan soal ini ia harus membabitkan soal negara itu soal negara ini. Dalam tujuan akhir-nya sa-bagai prinsip, kami dari Front Socialist Ra'ayat Malaya bukan sahaja menerima lahir-nya satu Malaysia tetapi kalau boleh lahir-nya satu World Federation—satu Persatuan Dunia dan lahir-lah Persaudaraan Dunia dan persahabatan dunia.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Tuan Yang di-Pertua, sudah panjang perbahathan berkenaan dengan usul saya dalam Dewan yang bertuah

ini. Dan kita telah dengar hujah² pehak yang menyokong dan hujah² pehak pembangkang usul ini. Sa-belum saya menjawab, saya menyatakan perasaan dukachita saya di-atas tuduhan² yang di-keluarkan daripada pehak menentang yang tidak patut di-bahathkan di-dalam Dewan ini. Saya membawa usul ini ada-lah dengan tujuan baik dengan tugas² ultimate aim daripada perjuangan kebangsaan. Kerana memakaikan Melayu Raya itu tidak betul, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak chuba betulkan sesuai dengan apa yang di-perjuangkan dari semenjak beberapa lama lagi. Ini erti-nya ia-lah sa-sudah Perdana Menteri membawa usul Melayu Raya-nya tidak betul menurut dasar nama dan isi-nya, maka saya chuba membetulkan dengan membawa usul ini. Kalau Ahli² Yang Berhormat ini menimbangkan dengan chermat-nya maka nampak-lah apa yang terjadi kapada konsep yang sudah itu ada-lah tidak sempurna lagi menurut apa yang sudah di-perjuangkan dan saya hendak menchuba dengan usul saya ini supaya dapat di-terima dengan hati yang penoh. Dengan di-adakan perundingan awal sudah tentu-lah menimbulkan kepentingan bersama yang kita kehendaki di-antara negara² yang di-satukan dengan mewujudkan sa-buah kesatuan negara yang merdeka itu dengan kedudukan politik-nya masing², kira-nya tidak ada bersatu dalam soal kepentingan bersama dahulu. Sudah tentu-lah manakala saya mengatakan ultimate aim tidak akan boleh di-jalankan dengan serta merta. Jadi, yang pertama sa-kali saya melahirkan perasaan dukachita kerana saya sudah membawa ma'ana Melayu Raya ini ia-itu-lah Gugusan Pulau² Melayu yang erti-nya Pulau² Melayu termasuk-lah Indonesia yang dahulu-nya di-namakan Malay Archipelago dan sa-belum Philip-pines itu bernama Philippines pun bernama Malay Archipelago juga. Saya sudah buktikan bahawa kawasan itu ada-lah bernama Melayu Raya di-dalam buku² standard dalam dunia ini.

Saya chukup sedar ia-itu saya tidak menyentoh kehormatan negara² yang sudah merdeka dan saya tahu, sebab itu saya pakai perkataan saudara tua, kapada Philippines dan Indonesia. Saya berdiri di-sini, Tuan Yang di-Pertua,

ada-lah sa-bagai wakil ra'ayat negeri ini yang mengaku bahawa negeri ini ada-lah mengamalkan demokrasi. Maka saya berdiri di-sini ada-lah menyuarakan suara ra'ayat, hasrat ra'ayat negeri ini. Hasrat ra'ayat negeri ini ada-lah atorannya sudah berkerajaan maka saya memajukan-lah dalam Parlimen ini supaya Kerajaan-lah berhubong dengan Kerajaan, sedangkan ra'ayat sudah bersatu berkehendakkan Melayu Raya, sudah berkehendakkan Indonesia Raya yang maksud-nya nama berlainan tetapi tujuan-nya satu, Tuan Yang di-Pertua. Ini-lah hasrat ra'ayat dalam kawasan pulau² Melayu ini. Tetapi apa yang menjadi masaalah, saya sa-bagai wakil ra'ayat membuat hubungan perasaan itu, sudah ada hubongan-nya dalam jiwa tugas Kerajaan maka itu-lah saya membawa usul ini dengan sunggoh² supaya dapat pertimbangan dari Kerajaan, yang sudah biar-lah pakai ma'ana Melayu Raya itu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak-lah menyentoh kehormatan ultimate aim negeri² yang merdeka. Saya chukup sedar maka dengan saya memberikan di-mana dudok-nya demokrasi saya menuntut Kerajaan supaya mengambil bahagian di-dalam menjalankan tugas ultimate aim Melayu Raya itu betul² menepati dalam erti Melayu Raya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab erti-nya dengan perjuangan saya tentu-lah satu hari ini sanggup saya berchakap. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, bukan baharu saya berjuang di-dalam Melayu Raya ini. Boleh-lah di-saksikan dua buku saya satu "Perjuangan Kita" dan satu lagi "Falsafah Kebangsaan Melayu", ini kalau hendak di-bacha boleh menjawab segala soal² yang ada di-dalam perkara yang di-bangkitkan dalam masaalah Melayu Raya ini. Jadi, saya berasa dengan chara ini chukup-lah saya balas kerana perkara ini sudah menjadi pengetahuan dari tiap² ahli perjuang. Dalam keseluruhan perbahathan mem-bangkang usul yang di-kemukakan ini boleh-lah saya bagi kapada tiga garisan besar. Garisan yang pertama, ber-pusing² keliling bahawa chadangan saya ini belum masa-nya, chadangan ini ada kemungkinan-nya, chadangan ini ada elok-nya. Ini daripada pehak Kerajaan sendiri yang mengeluarkan

fikiran-nya. Dan tentu-lah panjang pula kalau saya hendak mencheritakan apa yang sudah di-katakan-nya itu. Tetapi biar-lah saya mengambil pengertian bahawa pehak pembangkang usul ini masa-nya akan tiba dan mungkin ada. Jadi, kalau sudah ada dalam maksud substantiate dalil² dan hujah² usul saya ini sudah lepas dengan sendiri-nya soal angan² dan soal kemungkinan.

Yang kedua, banyak problem yang susah², yang sukar² itu dan ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu perjuangan yang senang dan tidak ada satu tujuan² hendak melaksanakan chita² yang besar², lebeh² lagi dalam menuju ultimate aim ini boleh di-chapai dengan mudah. Dan maksud saya membawa usul ini ada-lah menunjukan kapada ultimate aim itu betul² kapada dasar keseluruhan-nya dan manakala kita menelek perkara yang betul naschaya timbul kemudahan². Mithalnya, Tuan Yang di-Pertua, pepatah orang Melayu ada mengatakakan "Menseret puchok buloh menyongsang". Ini-lah keadaan-nya memang mudah, Tuan Yang di-Pertua, chara konsep yang di-bawa oleh Tunku Abdul Rahman yang kita hendakkan itu tetapi macham mana hendak menarek buloh yang menyongsang tetapi banyak changkak² yang akan timbul balek. Saya tidak suka perkara ini maka saya chuba biar-lah kita memegang pangkal buloh itu betul² dengan apa chara sa-kali pun maka kita mendapat tarekan dengan lichin kalau tujuan² ultimate aim yang sa-benar²-nya ada. Ini-lah dalam maksud² yang susah, yang payah, banyak problem yang akan timbul lagi. Dan banyak yang besar² yang tiga saya maksudkan itu berbelit², berputar² dan keterangan² bahawa usul ini ada-lah usul angan², usul aib, usul menghina pada negara² yang berdaulat. Ini adalah budi rendah dan kerana hemah yang janggal dan kerana pandangan² yang prejudice yang perasangka dan kerana kosong jiwa dalam erti ultimate aim dalam erti perjuangan yang sa-benar, perjuangan radical, perjuangan progressive, perjuangan revolusioner, sudah tentu-lah ini semua-nya benda angan², benda ini aib, hina dan sa-bagai-nya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tiap² satu chita² yang besar bukan-lah satu yang

di-katakan chita² yang besar itu angan² dalam membawa satu chita² Melayu Raya itu. Sa-bagaimana keterangan yang sudah pun sedikit sa-banyak saya kemukakan tadi oleh wakil Setapak sudah menerangkan bagaimana huraian erti ultimate aim ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah dunia ini sudah ada dengan chita² PAN itu dan PAN ini lebeh besar chita² Melayu Raya daripada chita usul saya ini, lebeh besar lagi, lebeh besar angan dalam pandangan menyentoh angan² ini. Sayang sungguh sebab orang itu mengatakan tidak segan² (*Ketawa*) dan lebeh memeranjatkan lagi barangkali o r a n g membawa usul ini mengatakan world federation, world government dan saya bachakan ayat Alkor'an yang mengatakan: (Hattayayatubaiyana fil afak), bahawa kebenaran di-nyatakan-lah seluruh dunia yang berma'ana itu-lah maksud world federation juga termasuk ayat world government dalam erti ayat itu. Dan dalam ayat lagi mengatakan kapada umat Islam (Ummatan Wasatan) (*Ketawa*) ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya, Tuan Yang di-Pertua, memakai lesen d a l a m Undang² . . .

Mr. Speaker: Dukachita tuan berchakap Arab.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor: Kerana, Tuan Yang di-Pertua, maka keadaan sudah terkeluar perkara angan² dan sa-bagai-nya ia-itu chara² yang tidak patut ada. Sekarang ini daripada ayat² itu merupakan Saidina Omar, mula²-nya ia juga merasa kechil, itu tidak boleh, ini tidak boleh, kemudian sa-sudah mengalami soal itu baharu-lah ia sadar. "Himmatul rijal tahuddul jibal": himmah sa-orang itu boleh meruntuhkan gunung, alang-kah sedeh-nya saya, sa-bagai orang yang bertanggung-jawab kapada satu Kementerian mengatakan perkara ini angan². Barangkali ia itu sudah terbalek, sudah kechut, sudah menjadi kanak² memandang chita² yang besar ini. Jadi, tidak dapat-lah saya hendak melayan k a p a d a perkara² yang saperti itu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini garisan besar-nya. Garisan kechil-nya tentu-lah banyak yang berkata, tetapi saya rasa tidak-lah patut semua-nya saya jawab. Saya suka balekkan kapada usul ini saya stresskan

bahawa Melayu Raya yang di-pakai sekarang ini ada-lah salah pakai, tidak betul, bukan dia Melayu Raya yang sa-benar-nya. Bukan sa-layak-nya dinamakan Melayu Raya, boleh di-pakai nama perkembangan Persekutuan Tanah Melayu bagaimana yang ada dalam Perlembagaan, k a l a u ini-lah nama-nya maka saya tidak bawakan usul ini. Tetapi, kalau-lah wakil dari Muar Utara ada menerangkan usul Tengku itu sa-benar-nya bukan daging lembu, tetapi hendak membeli lembu yang sa-benar-nya, sekarang nampak-nya sudah memoleh ayam, bukan membeli lembu lagi. Lembu kaki-nya empat, ta'kan lembu itu kaki-nya dua, sedangkan Melayu Raya itu kaki-nya 4 ta'kan boleh di-kurangkan. Kawasan-nya sudah di-terangkan sechara scientific dalam ma'ana Indonesia Raya, dalam Malaysia Raya itu. Jadi, kerana tidak sesuai, tidak betul nama Melayu Raya itu di-pakai di-bawa dalam usul ini supaya di-masokkan dalam erti Melayu Raya itu benar² maka jalan itu kita telah dapat persesuaian, memperjuangkan chita² Melayu Raya itu. Tuan Yang di-Pertua, kerana usul ini sudah saya rasa di-timbulkan beberapa para sangka maka kata perpatah Melayu: mahu sa-ribu daya, tidak mahu sa-ribu helah, jadi sudah jadi macham itu nampak-nya. Kalau kita mempunyai jiwa yang besar memang ada asas²-nya di-atas dasar² yang ma'akul, di-atas dasar² yang concrete maka sudah tentu-lah perkara yang boleh benar² merupakan seluroh kepulauan Melayu kita di-satukan dengan satu Kebangsaan yang sama erti-nya, ini bukan-nya angan².

Tuan Yang di-Pertua, kerana perkataan musang berbulukan ayam yang di-tuduhkan saya ini, sama sa-kali saya rasa yang sa-benar-nya nama Melayu Raya sekarang ini-lah yang sudah merupakan musang berbulukan ayam, kerana bukan Melayu Raya di-pakaikan nama Melayu Raya. Jadi, ini ada-lah Melayu Raya pura². Usul yang ada ini bukan-lah sa-bagai Melayu Raya yang pura² dan Melayu Raya musang berbulukan ayam. Tuan Yang di-Pertua, dalam menyebutkan berkenaan dengan konsep PAS dengan sebab usul ini sudah terkeluar dasar Islam, sudah jadi perkauman, jadi ini juga di-sebut oleh wakil

dari Johor Tenggara menyebut²kan perkara² sampai membawakan mithal Ibnu Khaldun. Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya mengikut hujjah yang telah di-bawakan oleh Ahli dari Johor Tenggara itu satu ayat, Tuan Yang di-Pertua, menjelaskan tujuan Islam itu besar, bukan-lah untok Tanah Melayu, tetapi seluroh dunia, seluroh peri kemanusiaan, menjaga keselamatan dunia dan akhirat. Jadi, PAS ini di-atas konsep dasar chita² itu-lah. Tuan Yang di-Pertua, sa-olah² PAS ini hendak ber-balek kapada perkauman, hendak mengira darah, hendak mengira baka dan sa-bagai-nya, tetapi ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah perkara factor, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh wakil dari Kota Bharu Hilir tadi, asas² hendak membentok satu bangsa, kerana keterangan dari wakil Johor Tenggara itu sangat mengelirukan terhadap konsep PAS ini dan chita² Islam.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, usaha wakil dari Johor Tenggara itu ada perkataan : "Bar" mithal-nya "Bar" itu ada-lah tempat orang jual arak, tetapi dengan di-tambah perkataan "Al" mithal-nya sudah menjadi "Albar" tidak lagi menjadi tempat jual arak. (Ketawa).

Mr. Speaker: Itu tidak kena-mengena dengan usul ini.

Dr. Burhanuddin: Saya membawa chontoh ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana dia sudah meletakkan salah di-dalam memakaikan satu² perkara, pernah dia menyebutkan Hujjatul Islam, pernah ia menyebutkan Imam Ghazali di-temberang²kan-nya dalam Dewan ini, dan menyebutkan Ibnu Khaldun, sa-olah² ia mahir benar di-dalam kitab Ibnu Khaldun yang berlawanan sama sa-kali daripada apa yang di-terangkan oleh wakil dari Johor Tenggara itu. Ibnu Khaldun sa-bagai King Sociology yang mula² mengarang mukhadimah sahaja sa-banyak 365 muka. Jadi dalam Kitab Ibnu Khaldun membahathkan dalam soal Sociology, membahathkan kebangkitan umat tidak boleh sa-suatu umat itu bangkit sa-orang sa-orang sendiri dan tidak ada satu Nabi kita, Nabi panganjor yang besar dalam dunia ini ia-lah Nabi atau Rasul, Tuan Yang di-Pertua, maka satu hadith yang di-bahathkan panjang oleh Ibnu Khaldun

(ma ba'athallah nabiyyan illa fi ninati kaumihi) yang erti-nya tidak-lah di-bangkitkan Nabi itu satu tempat melainkan di-bangkitkan kerana membela kaum ia lebeh dahulu. Tuan Yang di-Pertua, nyata sa-kali Nabi Muhammad S.A.W. tidak-lah ia dapat membela dunia ini mengislamkan orang India, mengislamkan orang Afrika, mengislamkan orang Eropah, dan mengislamkan orang Asia sini. Kalau ia ta' erti lebeh dahulu mendekati dan memahami kaum-nya sendiri, dan dalam Islam yang di-maksudkan oleh wakil Johor Tenggara itu ia-lah perkauman yang bertambah sempit yang hendak menyempit² keadaan, tetapi usul saya lebeh besar dan luas lagi daripada usul yang di-bawa oleh Kerajaan sekarang. Jadi di-mana-kah erti-nya saya hendak menimbulkan perkauman sekarang. Di-sini-lah yang saya maksudkan dengan nama kebangsaan Dato' Yang di-Pertua kata kasar. Ia sudah salah letak dan ta' kena pada tempat-nya. Pendirian Persatuan Islam yang hendak di-nasihatkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri, saya ucapkan terima kaseh kalau nasihat-nya itu betul, tetapi nasihat-nya itu ta' betul, ta' kena. Kata-nya saya angan², saya biadab tetapi sa-benar-nya tidak begitu. Tujuan Persatuan Islam ia-lah memperjuangkan chita² Islam dan bagaimana hadith yang saya katakan tadi tidak dapat chita² itu yang mula² gulungan daripada orang luar yang erti-nya dapat di-satukan, maka itu-lah sebab-nya kita mendekati gulungan² yang lebeh dekat boleh membawa bagaimana hadith tadi Jadi, ini-lah pendirian Persatuan Islam tidak ada perkauman dan di-dalam parti ini ada-kah perkauman yang di-dalam-nya ada orang China Islam, orang India Islam, orang Arab Islam dan orang Melayu Islam. Kita PAS tidak ada perkauman. Jadi soal mengatakan kita hendak sempit sama sa-kali, tidak benar, Dato' Yang di-Pertua, tiada-lah tujuan yang lebeh besar daripada tujuan Pan Islamism chita² Islam sa-benar.

Satu perkara yang di-bangkitkan oleh Penolong Menteri berkenaan dengan meshuarat yang saya hadhir yang di-namakan Setia Kawan itu, Dato' Yang di-Pertua, perkara ini juga sudah jadi

fitnah yang di-reka²kan sa-olah²-nya saya membawa satu usul yang sudah berlainan daripada apa pendirian saya yang sudah di-setujui. Persatuan Islam ada-lah tegas. ta' setuju concept Melayu Raya yang sempit yang di-perjuangkan dan kita minta supaya di-adakan concept yang lebeh tegas. Ini sudah tegas. Dengan sebab itu usul ini di-bawa kamari. Sa-belum saya hadhir dalam persidangan C.P.A. saya telah menerangkan dalam masa saya membawa usul ini. Saya dua kali hadhir dalam persidangan C.P.A. yang akhir-nya bernama Setia Kawan. Dato' Yang di-Pertua, rombongan yang pertama saya pergi di-ketua² oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran Enche' Abdul Hamid Khan. Saya bertanya dengan terus terang, saya kata ada-kah saya pergi ini sa-bagai wakil Kerajaan, jawab-nya tidak. Adakah saya ini sa-bagai sa-orang wakil C.P.A.—tidak. Adakah saya mengwakili sekarang ini sa-bagaimana apa yang saya hendak berchakap sana sa-bagai wakil parti—tidak. Tetapi ia-lah mengwakili sa-bagai sa-orang ahli C.P.A. yang boleh berchakap dengan bebas-nya.

Dato' Yang di-Pertua, dalam meshuarat yang pertama saya sudah memberi ucapan yang panjang lebar menerangkan apa yang sa-benar-nya saya kehendaki dan itu sudah menjadi rekod erti-nya sudah terang apa yang saya hendak, dan manakala saya datang kali yang kedua, saya katakan kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya ta' boleh pergi, tetapi sudah diputuskan oleh C.P.A. saya mesti pergi. Saya faham bahawa pendirian asal begitu juga dan manakala saya pergi sana saya hadhir sa-bagaimana saya hadhir sa-orang daripada wakil C.P.A. dan manakala saya hadhir sana, Dato' Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang wakil C.P.A. yang di-namakan pada masa itu Setia Kawan dan memang di-dalam-nya dari mula lagi ada di-bahathkan berkenaan dengan Malaysia. Di-sini, saya sa-bagai rombongan Malaya dan saya lihat sana ada yang menjadi wakil, ada yang tidak menjadi wakil, dan ada yang menjadi observer. Maka manakala sudah habis meshuarat, Perdana Menteri Singapura membawa usul-nya supaya ada kata²-nya yang panjang, yang sama² hendak kita sign. Pada akhir-nya

Ketua Malaya ini ta' setuju tetapi hanya-lah setuju di-adakan kita sama² hadhir dalam persidangan itu. Kita tanda tangani ma'ana-nya kita sama² hadhir—itu-lah benda yang kita bahathkan. Perkara ini chukop jelas, Dato' Yang di-Pertua, manakala pemerhati . .

Enche' Mohamed Ismail bin Mohd. Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri penjelasan sedikit.

Mr. Speaker: (*Kapada Dr. Burhanuddin*) Hendak beri jalan tidak?

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor: Tidak. Manakala pemerhati dari Brunei mengatakan macham mana saya hendak sign, saya bukan wakil. Saya tidak dapat mewakili bagi pehak Brunei, saya hanya pemerhati di-sini. Perkara ini di-setujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, jadi di-sini-lah bahawa tanda tangan itu hanya merupakan apa yang sudah di-bahathkan itu sambongan daripada bahathan. Jadi, kalau pun diperhatikan, saya tidak menukar daripada dasar saya sa-belum perkara itu timbul Setia Kawan, saya sudah ada pendirian dan sa-sudah itu saya tahu mana pendirian-nya dan saya bawa usul ini kerana dalam tujuan Melayu Raya ini bukan-lah mesti di-bawa di-sana menjadi pemutus, tetapi pemutus ini ada-lah dalam Dewan Ra'ayat kerana saya bawa dalam Dewan ini yang saya hendak dan menjadikan pendirian Per-satuan Islam serta menjadikan tujuan daripada akhir chita² yang memakai nama Melayu Raya itu saya bawa di-sini.

Dato' Yang di-Pertua, kalau saya hendak jawab satu persatu lagi saya rasa banyak sangat-lah dan saya rasa chukop-lah kerana soal² titek-bengik, saya pandang tuduhan itu bukan-lah satu perkara yang akan menjadi kekal dalam perkara perjuangan kita, tetapi apa yang menjadi chita² saya walau pun di-tolak hari ini tetapi ia akan tetap menjadi chita²—tetapi itu ada-lah menjadi angan² kapada pehak Kementerian yang ada sekarang ini. Saya sangat dukachita dengan sebab usul saya ini di-babitkan dengan Indonesia, di-babitkan hal² sana, tetapi saya bukan maksudkan usul ini untuk menyentoh kehormatan Indonesia, kehormatan Pilipina, tetapi hak menggunakan perkataan Melayu Raya ini saya berkehendakkan supaya benar²

dalam memakai perkataan Melayu Raya itu. Dengan kerana itu usul saya ini di-kemukakan, dan saya berharap mendapat sokongan supaya dapat-lah kita sama² persesuaian yang banyak dalam melancharkan chita² Melayu Raya ini.

Jadi kalau usul ini di-tolak berma'ana-lah saya tetap dengan pendirian saya ia-itu Melayu Raya yang saya maksudkan itu-lah dia sa-belum lagi masaalah Melayu ini timbul, saya sudah menulis dan sudah memperjuangkan dan sa-sudah di-bawa usul ini—chadangan Melayu Raya yang di-jalankan oleh Kerajaan sekarang ini, saya sekarang membawa usul ini lagi menjelaskan pendirian yang sa-benar erti-nya Melayu Raya. Sekian-lah saya kemukakan usul ini supaya dapat di-timbangkan dan di-persetujukan oleh Dewan ini.

Question put, and negatived.

SOCIAL INSURANCE

Withdrawal

Enche' V. Veerappen: Mr. Speaker, Sir, I am very glad to inform the House that I am not proceeding with the motion in my name as the Government has assured us that it has decided to set up a Committee for the very purpose stated in my motion, and as the object of the motion is achieved I do not intend to proceed any further. We fully appreciate this action of the Government and to show our co-operation we withdraw the motion. We only hope that the Committee, which will be announced soon, will come out with a report as soon as possible and that the report will be tabled and we will have a full discussion in this House.

Sir, under Standing Order 29 (1) I beg to withdraw the motion.

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr. Speaker, Sir, with your permission, I am glad that the Honourable Member has withdrawn this motion and we will announce the names. I am glad to say that the Ministries that will be represented on this Committee would be—

The Economic Planning Unit

The Treasury

Ministry of Health and Social Welfare

Ministry of Labour

There will be a representative from the MTUC and a representative from the employers organisation. The Secretary will be from the Ministry of Labour and the Chairman will be the Assistant Minister of Labour.

Mr. Speaker: Honourable Members, the Honourable Enche' V. Veerappen has, in accordance with Standing Order

29, just given notice to the Clerk to withdraw the notice of the motion standing in his name on the Order Paper for today. The motion is accordingly considered to be withdrawn pursuant to Standing Order 29 (2), and a note to that effect will be entered on the Votes and Proceedings.

Adjourned at 12.50 p.m.